

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Tuan M. Kulasegaran [ Ipoh Barat ]**

**TARIKH : 17 Mei 2016 (Selasa)**

**NO. SOALAN : 106**

**Tuan M. Kulasegaran [ Ipoh Barat ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) bilakah dan dalam apakah syaratnya Kerajaan akan membuat pertimbangan agar menubuhkan IPCMC supaya kes kematian tahanan dapat dielakkan; dan
- (b) apakah cara pengendalian Kerajaan seandainya penubuhan IPCMC ditentang dan tidak dipatuhi oleh pihak polis.

**JAWAPAN: YB DATUK PAUL LOW SENG KUAN**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Dipertua,

Didalam hal ini, Kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan IPCMC. Ini kerana, Kerajaan berpendapat adalah lebih wajar agar satu badan bebas ditubuhkan untuk memantau

pelbagai agensi penguatkuasaan secara keseluruhan tanpa memberi pengkhususan kepada PDRM sahaja melalui penubuhan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) bagi menangani isu salah laku di kalangan pegawai penguat kuasa dan agensi penguatkuasaan. EAIC telah diberi mandat untuk memantau 21 Agensi Penguatkuasaan Persekutuan termasuklah Polis DiRaja Malaysia (PDRM). Ia adalah satu mandat yang lebih besar daripada yang dicadangkan oleh Suruhanjaya Diraja tersebut dan ia dilihat lebih menyeluruh daripada cadangan asal penubuhan IPCMC.

(b) EAIC dalam menjalankan fungsinya telah memberi perhatian serius dalam isu berkaitan kematian tahanan di dalam lokap. Setakat ini, EAIC telah menyelesaikan siasatan dan telah mengeluarkan beberapa laporan dan dapatan (*findings*) EAIC mengenai kes kematian dalam tahanan PDRM iaitu kes kematian James Ramesh di Pulau Pinang, kes kematian Syed Azlan di Johor dan yang terbaru kes kematian N. Dharmendran di Lokap D9, IPK Kuala Lumpur. Laporan penuh berkenaan siasatan kematian itu telah disediakan dan telah pun dipanjangkan kepada kementerian serta agensi-agensi penguatkuasaan yang berkenaan untuk penelitian dan tindakan sewajarnya. Laporan-laporan ini juga boleh dilihat melalui laman sesawang EAIC iaitu [www.eaic.gov.my](http://www.eaic.gov.my).

Melalui laporan-laporan ini, EAIC telah membuat beberapa syor-syor penambahbaikan dimana antara syor dan cadangan penambahbaikan tersebut termasuklah untuk memastikan pemeriksaan perubatan secara terperinci dibuat ke atas tahanan sebelum diterima dan dimasukkan ke dalam lokap, penempatan Pegawai Perubatan di lokap, pemasangan dan penyelenggaraan

CCTV di kawasan lokap bagi memantau tahanan dan pegawai yang menjaga lokap, memastikan pegawai yang bertanggungjawab menjaga lokap mempunyai pengetahuan asas mengenai bantuan awal kecemasan (*first aid*) dan agensi serta para pegawai hendaklah sentiasa mematuhi undang-undang, peraturan dan tatacara kerja / *Standard Operating Procedure* (SOP) yang berkaitan penjagaan tahanan dan tempat tahanan.

EAIC juga turut mengesyorkan individu-individu yang terlibat di dalam kes tersebut diambil tindakan tatatertib serta mengesyorkan kepada pihak Jabatan Peguam Negara (AGC) dan Kementerian Dalam Negeri (KDN) agar meminda peruntukan Kanun Keseksaan (Akta 574) dan Akta Keterangan 1950 bagi memasukkan peruntukan anggapan atau *presumption* yang meletakkan beban bukti ke atas pegawai dan anggota yang menjalankan soal siasat ke atas orang tahanan sebagai bertanggungjawab ke atas sebarang kecederaan atau kematian yang dialami oleh orang tahanan sehingga dibuktikan sebaliknya oleh pegawai dan anggota yang mempunyai jagaan atau pengendalian ke atas orang tahanan tersebut.

Untuk memastikan segala langkah yang telah diambil oleh Kerajaan mencapai matlamat dan objektifnya, Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [Akta 700] perlu dilihat dan dikaji semula bagi memantapkan fungsi EAIC. Usaha dan pencegahan berkaitan kematian dalam tahanan juga tidaklah hanya bergantung kepada EAIC semata-mata, malah ia memerlukan kerjasama daripada pelbagai pihak dan agensi yang berkaitan bagi memastikan undang-undang, peraturan-peraturan dan tatacara-tatacara dipenuhi dan dipatuhi dengan sepenuhnya serta dapat dikuatkuasakan secara efektif. Sehubungan dengan

itu, pemantapan dan pengukuhan EAIC adalah amat diperlukan buat masa ini berbanding dengan cadangan penubuhan IPCMC kerana struktur EAIC yang lebih lengkap dan fungsinya yang lebih meluas.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK WILLIAM @  
NYALLAU ANAK BADAQ  
(LUBOK ANTU)**

**TARIKH : 17.05.2016 (SELASA)**

**SOALAN : 107**

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan adakah pihak Kementerian mempunyai perancangan untuk membekalkan bekalan elektrik alternatif yang menggunakan tenaga mikro hidro kepada penduduk yang tinggal jauh di ulu-ulu sungai seluruh negeri Sarawak yang tidak dapat disalurkan melalui grid.

## **JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi penduduk yang tinggal jauh di ulu-ulu sungai seluruh negeri Sarawak yang tidak dapat disalurkan melalui grid, pihak Kementerian akan mempertimbangkan pelaksanaan bekalan elektrik alternatif melalui kaedah tenaga mikro hidro dengan mengambil kira perakuan Kementerian Kemudahan Awam Sarawak (KKA) dan Pihak Berkuasa Elektrik Negeri (PBEN) di satu-satu kawasan.